# TEKS UCAPAN REKTOR

# SEMPENA PROGRAM MAJLIS TAKLIMAT SISWAZAH

**TEMPAT:**

**DEWAN KULIAH 1, TINGKAT 4 PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH**

**KAMPUS INDUSTRI KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TARIKH :**

**26 NOVEMBER 2005**

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**TEKS UCAPAN YBHG DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN, REKTOR KUTKM SEMPENA PROGRAM MAJLIS TAKLIMAT SISWAZAH PADA 26 NOVEMBER 2005 BERTEMPAT DI DEWAN KULIAH 1, TINGKAT 4, PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH, PADA PUKUL 12.15 TENGAHARI.**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM. ASSALAMUALAIKUM W.B.T

YBHG DATUK PROF MADYA DR ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH. TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN & PENGKOMERSILAN/INOVASI)

YG. BERUSAHA PROF DR HJ. MOHD TAIB B. HJ DORA (DEKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH)

DEKAN-DEKAN FAKULTI

KETUA-KETUA JABATAN SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN.

PERTAMANYA MARILAH KITA MEMANJATKAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA DAPAT KITA BERKUMPUL BERSAMA DALAM MAJLIS ILMU YANG MULIA INI. SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH KHUSUSNYA KEPADA PROF DR HJ MOHD TAIB BIN HJ DORA KERANA BERJAYA MENGANJURKAN PROGRAM MAJLIS TAKLIMAT SISWAZAH INI YANG SAYA RASA AMAT PENTING DALAM PERJALANAN KUTKM MENCAPAI MISI DAN VISI UNIVERSITI. INI ADALAH KALI KEDUA PROGRAM SEUMPAMA INI DIADAKAN OLEH PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH SELEPAS MEMGADAKAN PROGRAM *"COURSE ON SUPERVISSION AND EVALUATION OF GRADUATE*

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

*RESEARCH 2005"* PADA 15 NOVEMBER YANG LEPAS KHUSUS KEPADA PELAJAR PASCA SISWAZAH.

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA TELAH BERTAPAK DI BUMI MELAKA INI BERMULA PADA TAHUN 2000. ALHAMDULILAH DALAM USIA YANG BEGITU MUDA KITA TELAH MENCIPTA SEJARAH DAN MENEMPA BEBERAPA KEJAYAAN DALAM USAHA MENAIK DAN MEMARTABAT NAMA UNIVERSITI. KITA TELAH MENGADAKAN MAJLIS KONVOKESYEN KITA YANG PERTAMA DENGAN JAYANYA PADA BULAN JULAI YANG LEPAS DAN IANYA MERUPAKAN GRADUAN-GRADUAN SULUNG YANG KITA LAHIRKAN/ PADA MAJLIS ITU JUGA KITA TURUT MERAIKAN KEJAYAAN PELAJAR PASCA SISWAZAH KITA YANG PERTAMA.

KINI KITA TELAH MEMPUNYAI SERAMAI 55 ORANG PELAJAR DI PERINGKAT PASCA SISWAZAH IAITU MASING-MASING 16 ORANG CALON KEDOKTORAN DAN 39 ORANG CALON SARJANA. INI MERUPAKAN SATU LAGI PENCAPAIAN YANG AMAT MENGGALAKKAN BAGI UNIVERSITI YANG SEMUDA KITA. KITA AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MENAMBAH BILANGAN PELAJAR PADA PERINGKAT PASCA SISWAZAH DARI MASA KE SEMASA BAGI MEMASTIKAN IANYA TERUS BERKEMBANG DAN MEMAINKAN PERANAN PENTING KEPADA PEMBANGUNAN UNIVERSITI.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

NAMUN BEGITU BILANGAN PELAJAR YANG RAMAI BUKANLAH SATU-SATUNYA INDEKS PENYUKAT KEPADA SESEBUAH KEJAYAAN. BILANGAN PELAJAR YANG KIAN MENINGKAT HARUSLAH DISERTAI DENGAN KUALITI YANG MENEPATI PIAWAIAN DAN KEHENDAK MAJIKAN/INDUSTRI.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

KURSUS-KURUS YANG DITAWARKAN TIDAK SAHAJA PERLU MEMENUHI TUNTUTAN CALON TETAPI JUGA PERLULAH MEMENUHI KEPERLUAN GUNA TENAGA NEGARA. DALAM DUNIA PEKERJAAN YANG SEMAKIN KOMPLEKS, PERSAINGAN UNTUK MENDAPATKAN PEKERJAAN ADALAH SEMAKIN MENCABAR. BAGI MEREKA YANG BENAR-BENAR BERWIBAWA ATAU *"BEST OF THE BEST"* DAN BERPOTENSI SAHAJA YANG AKAN TERPILIH BAGI MENGISI KEKOSONGAN SESUATU JAWATAN SAMA ADA DALAM SEKTOR KERAJAAN MAHUPUN SWASTA.

OLEH YANG DEMIKIAN KUALITI GRADUAN YANG DIHASILKAN PADA PERINGKAT PASCA SISWAZAH INI PERLULAH MENCERMINKAN KELASNYA YANG TERTINGGI. KALAU INI TIDAK DAPAT DILAKUKAN MAKA PENGAJIAN PADA PERINGKAT PASCA SISWAZAH AKAN DILIHAT SAMA TARAF DENGAN GRADUAN PADA PERINGKAT DIPLOMA ATAUPUN IJAZAH PERTAMA. BAGI MEMASTIKAN KUALITI DAN TAHAP PENGAJIAN SERTA PEMIKIRAN PADA PERINGKAT PASCA SISWAZAH INI ADALAH BENAR-BENAR KOMPETEN MAKA GRADUAN-GRADUAN PERLULAH MEMPUNYAI PEMIKIRAN YANG KREATIF, BERINOVATIF DAN MEMPUNYAI INISIATIF TERSENDIRI UNTUK TERUS MAJU DENGAN BANTUAN DAN TUNJUK AJAR PARA PENYELIA MASING-MASING.

SEBAGAI MENYAHUT CABARAN INI, MAKA MENJADI TANGGUNGJAWAB PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH TIDAK SAHAJA MEMFOKUSKAN KEPADA PENGURUSAN DARI SEGI KEPERLUAN PRASARANA DAN KEPERLUAN MENGENDALIKAN PENGAJIAN SEMATA-MATA TETAPI JUGA PERLU DIPERLUASKAN KEPADA SKOP YANG LEBIH LUAS. SATU ANJAKAN PARADIGMA BARU DIPERLUKAN BAGI MENGENALI DAN MENGENALPASTI KEPERLUAN SEKTOR INDUSTRI SERTA SEKTOR

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

PEKERJAAN NEGARA. KURSUS-KURSUS PENGAJIAN YANG DIANJURKAN PERLULAH MELIHAT KEPADA KEHENDAK DAN PERMINTAAN BAKAL MAJIKAN.

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH TIDAK AKAN DAPAT MEMBANTU DAN MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK SEKIRANYA TIDAK WUJUD KERJASAMA YANG KUKUH SERTA SIFAT BERSATU PADU DARI SEMUA PIHAK UNTUK SAMA-SAMA MENJAYAKAN MATLAMAT INI. BAGI MEMASTIKAN KUALITI GRADUAN YANG DIHASILKAN PADA PERINGKAT PASCA SISWAZAH OLEH KUTKM ADALAH YANG TERBAIK DAN SENTIASA MENJADI REBUTAN MAJIKAN MAKA JAMINAN INI PERLULAH DIBUKTIKAN DENGAN SEMANGAT JUANG UNTUK MENJADIKAN SUASANA PEMBELAJARAN DI KUTKM ADALAH KONDUSIF, BERSISTEMATIK SERTA MENARIK SAMA ADA DARI SEGI KEPERLUAN FIZIKAL MAHUPUN SPIRITUAL. ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SEMUA PIHAK SAMA ADA PELAJAR, PENYELIA, DAN UNIVERSITI LEBIH-LEBIH LAGI PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH UNTUK SAMA-SAMA BERGANDING BAHU DAN BEKERJA DALAM SATU KUMPULAN.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH YANG BERTINDAK SEBAGAI PENYELARAS PERJALANAN AKADEMIK PARA CALON PASCA SISWAZAH DARI SAAT MEREKA MENDAFTAR HINGGA MEREKA BERGRADUAN HARUSLAH MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DENGAN MEMPRAKTIKKAN AMALAN-AMALAN “GOOD PRACTICES” DALAM PROSEDUR ALIRAN KERJA MEREKA. KAKITANGAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH PERLULAH MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA SEMUA PELAJAR DAN MENELITI SETIAP PERKARA YANG DIKETENGAHKAN

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

OLEH PARA PELAJAR SUPAYA MEREKA SENTIASA SELESA SEMASA MENERUSKAN PENGAJIAN MEREKA DI KUTKM. SETIAP PERKARA YANG DIBANGKITKAN PERLULAH DILIHAT SEBAGAI TERAMAT PENTING UNTUK DISEGERAKAN.

SAYA PERCAYA PROGRAM HARI INI DIADAKAN KERANA KEPEKAAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH UNTUK MENYEDIAKAN PLATFORM YANG TERBAIK BAGI MENGWUJUDKAN HUBUNGAN INTERAKSI ANTARA PELAJAR SISWAZAH DENGAN PIHAK UNIVERSITI. PROGRAM INI DIANJURKAN ADALAH KHUSUS UNTUK MEMBERI INFORMASI DAN PENDEDAHAN TERKINI BERKAITAN PROGRAM PASCA SISWAZAH DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DITAWARKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI.

IANYA JUGA AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PELAJAR UNTUK MEMBERI PANDANGAN SECARA SUMBANG SARAN BAGI MELAHIRKAN GAGASAN IDEA YANG MAPAN, BERNAS SERTA JITU BAGI MEWUJUDKAN SUASANA KECEMERLANGAN DAN KEMAJUAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH. PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH MEMERLUKAN MAKLUMBALAS DARIPADA PARA PELAJAR UNTUK TERUS MEMPERBAIKI KUALITI PENGAJIAN DAN PERKHIDMATAN.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN MELALUI TAKLIMAT INI UNTUK MENYERU PARA PELAJAR PADA PERINGKAT PASCA SISWAZAH SUPAYA DAPAT MELIBATKAN DIRI SECARA LANGSUNG DAN AKTIF DALAM KEGIATAN-KEGIATAN YANG DIANJURKAN SAMA ADA PADA PERINGKAT UNIVERSITI MAHUPUN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH. PENGLIBATAN PELAJAR SISWAZAH SECARA AKTIF DALAM AKTIVITI-AKTIVITI UNIVERSITI SAMA ADA DALAM AKTIVITI PERSATUAN, SUKAN, KEBUDAYAAN, FORUM,

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

PROGRAM AKADEMIK DAN SEBAGAINYA AMATLAH DIHARGAI DAN MENJADI SUATU SUMBANGAN YANG AMAT BERMAKNA.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

SAYA MENGESYORKAN SUPAYA AKTIVITI TAKLIMAT INI DAPAT DIADAKAN DENGAN LEBIH KERAP OLEH PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH SAMA ADA SECARA FORMAL MAHUPUN TIDAK FORMAL BAGI MEMBOLEHKAN PELAJAR SISWAZAH, PENYELIA DAN PARA PENTADBIR BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT DAN PANDANGAN BAGI MENCARI IDEA YANG LEBIH BAIK DAN BERNAS PADA MASA-MASA AKAN DATANG. KEBERKESANAN TAKLIMAT INI TIDAK PATUT BERHENTI SETAKAT INI SAHAJA. IA PERLU DIJADIKAN SEBAGAI TITIK PERMULAAN KEPADA SESUATU YANG LEBIH BAIK DAN BERPANJANGAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

AKHIR KATA SAYA MENYERU KEPADA SELURUH WARGA UNIVERSITI DAPAT SAMA-SAMA BEKERJA KE ARAH KECEMERLANGAN DAN KEGEMILANGAN UNIVERSITI YANG KITA CINTAI. MARILAH KITA BERGANDING BAHU UNTUK TERUS BERUSAHA DAN BEKERJASAMA DENGAN MENGETEPIKAN PELBAGAI PERBEZAAN PENDAPAT BAGI MENJADIKAN KUTKM SEBAGAI UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA. SEMOGA KEJAYAAN YANG TELAH KITA KECAPI AKAN MEMBAKAR SEMANGAT UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR PADA MASA AKAN DATANG. SEKIAN WABILLAHITTAUFIK WAL HIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka